

TUHFAT AL-NAFIS SEBAGAI MEDIUM PENYATUAN BUDAYA DAN PENDIDIKAN DUA NEGARA

TUHFAT AL-NAFIS AS A MEDIUM FOR THE UNIFICATION OF CULTURE AND EDUCATION OF THE TWO COUNTRIES

Alwi DAUD^{*1}

Mardiana NORDIN²

Abdullah Zakaria GHAZALI³

¹²³Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

¹daeng_putera_bugis@yahoo.com,

²mardiana@um.edu.my

³azdha@um.edu.my

Corresponding author*

Received: 5th April 2024

Accepted: 20th October 2024

ABSTRAK

Hubungan antara wilayah-wilayah di Malaysia dan Indonesia sudah terjalin sejak sekian lama. Namun penyatuan wilayah ini berakhir setelah berlakunya kolonialisasi yang diterajui oleh British dan Belanda. Kendatipun, hubungan tersebut tidaklah berakhir secara mutlak kerana masih terdapat perkongsian yang kekal dilestarikan hingga ke hari ini, misalnya naskhah Melayu yang berjudul *Tuhfat al-Nafis*. Penelitian terhadap naskhah ini memperlihatkan perkongsian budaya dan pendidikan antara Malaysia dan Indonesia yang kukuh sejak sekian lama. Oleh yang demikian, makalah ini bermatlamat untuk melihat faktor yang menyebabkan penyatuan antara kedua pihak tersebut. Seterusnya mensintesis bagaimana budaya politik dan perkahwinan akhirnya melahirkan cikal bakal yang menjadi waris antara kedua wilayah. Di samping itu menganalisis sejauh mana naskhah ini dapat diangkat sebagai naskhah sejarah autentik yang menjadi rujukan penting pada abad ke-18 dan 19 kepada pendidikan di kedua buah negara. Kajian ini menggunakan naskhah *Tuhfat al-Nafis* yang telah diselenggarakan oleh Virginia Matheson dan *Tuhfat al-Nafis* naskhah Terengganu. Hasil kajian dari naskhah ini telah berjaya membuktikan bahawa sejarah kesultanan kerajaan-kerajaan Melayu bersifat unik kerana berlaku perkongsian dan penyatuan sejarah yang sama. Malahan segala budaya termasuk adat istiadat dan resam yang mendasari kerabat-kerabat diraja dari kedua-dua dunia terbabit waktu itu sebenarnya milik bersama. Kelangsungan jurai keturunan yang menjadi raja di kedua wilayah juga masih kekal hingga ke hari ini khususnya di Selangor, Johor (Malaysia) dan Riau (Indonesia). Naskhah ini turut menjadi rujukan penting dalam pendidikan sejarah terhadap kedua buah negara.

Kata Kunci: *Tuhfat al-Nafis*; wilayah; perkahwinan; penyatuan budaya; pendidikan

ABSTRACT

The relationship between regions of Malaysia and Indonesia has been established for many years. However, the union of these provinces end after the colonization that was led by the British and the Dutch. Nevertheless, the relationship did not end entirely because certain partnership remained to this day, for example, the manuscripts entitled *Tuhfat al-Nafis*. The study of this manuscript shows strong cultural sharing and education between Malaysia and Indonesia since time immemorial. Thus, this article aims to look into the factors that led to the unification of the two parties. And then, to synthesize how the politics and wedding culture eventually spawned the future heirs of the two provinces. Additionally, it analyses how far the manuscript can be deemed an authentic historical manuscript that became an imperative reference of the 18th and 19th centuries for education both of these countries. This study uses the *Tuhfat al-Nafis* manuscript, which was organized by Virginia Matheson, and the *Tuhfat al-Nafis* manuscript of Terengganu. The study of these manuscripts has successfully proved that the history of the Sultanate of Malay kingdoms is unique because of the sharing and unification of similar history. In fact, the cultures, including the ceremonials and customs that underlie the monarchs of both worlds at the time, were jointly owned. The survival of ancestry who became the king of both provinces also remains until today, especially in Selangor, Johor (Malaysia) and Riau (Indonesia). This manuscript is also an important reference in the history education of both countries.

Keywords: *Tuhfat al-Nafis*; province; marriage; cultural unification; education

Pengenalan

Tuhfat al-Nafis adalah sebuah naskhah pensejarahan Melayu yang tidak asing lagi. Naskhah ini berdiri sebagai sebuah *magnum-opus* yang mewajarkannya untuk dirujuk oleh mana-mana sejarawan dengan tujuan memahami sejarah alam Melayu khususnya abad ke-18 hingga ke-19. Beberapa orang sejarawan tempatan (Malaysia) dan asing pernah mengemukakan pandangan mereka tentang naskhah ini. Antaranya, Muhammad Yusoff Hashim yang menyebutkan bahawa walaupun *Tuhfat al-Nafis* ditulis dari sudut pandang dan kecenderungan penulisnya, namun naskhah ini tetap wajar dianggap sebagai sumber sejarah (Hashim, 1992:449). Menurut R.O. Winstedt pula, *Tuhfat al-Nafis* adalah sebuah *magnum-opus* yang terbesar selepas *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* bagi mengkaji sejarah negeri Johor dan Riau (Saidin, 1971: 30). Mohd. Taib Osman pula mengatakan *Tuhfat al-Nafis* merupakan sumber yang terutama bagi pemaparan sejarah wilayah Johor-Riau-Lingga-Pahang (Hashim, 1986: 13). Sementara Zainal Abidin Abdul Wahid yang antara lain turut sepandapat, mengatakan *Tuhfat al-Nafis* ini sebagai sebuah buku sejarah yang sangat penting dalam pengkajian sejarah alam Melayu pada abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19 (Saidin, 1971: 34). Beliau juga pernah mengatakan, "... tidaklah sempurna bagi seseorang itu menulis sejarah Negeri-negeri Melayu terutama Johor, Riau dan Selangor kalau buku ini tidak digunakan." (Ibrahim & Yahya, 1988: 249) Seorang pengkaji naskhah *Tuhfat al-Nafis* yang tidak asing lagi, iaitu Virginia Matheson menegaskan bahawa naskhah *Tuhfat al-Nafis* ini merupakan pengisahan hasil gabungan peristiwa lampau dan semasa (iaitu zaman ia ditulis) dan maklumat dari kedua-dua era itu amat bermanfaat (Matheson, 1978: 22). Dari segi pendidikan dan sejarah, kewibawaan naskhah ini dalam memaparkan maksud tersebut amatlah jelas.

Salah satu cabang sejarah yang termuat di dalam naskhah ini adalah salasilah atau jurai keturunan pelaku-pelaku utama, termasuk kaum keluarganya dan maklumat yang terkandung itu amatlah mengagumkan. Keterangan yang demikian mendalam, teliti dan terperinci ketika menyusurgalurkan keturunan kekerabatan watak-watak sejarah di dalam rantau yang dirawikan (termasuk Johor, Riau, Lingga, Siak, Terengganu, Pahang dan beberapa wilayah lain) sebenarnya menjadi bukti bahawa hampir semua keluarga pemerintah dari wilayah-wilayah yang berasingan itu (yang kini telahpun menjadi Malaysia dan Indonesia) mempunyai pertalian darah.

Kajian ini tidak bermaksud untuk menghuraikan kronologi sejarah kedua-dua negara itu secara terperinci. Makalah ini amnya untuk menjelaskan lagi pemahaman sejarah kepada generasi terkemudian dari dua rantau ini tentang perkongsian dan penyatuan yang telah lahir lebih awal sekaligus menghangatkan kembali memori kolektif antara kedua bangsa/negara yang dimaksudkan. Oleh yang demikian, makalah ini bermatlamat untuk melihat faktor yang menyebabkan berlakunya penyatuan antara kedua pihak tersebut. Seterusnya mensintesis bagaimana budaya politik dan perkahwinan akhirnya melahirkan cikal bakal yang menjadi waris antara kedua-dua wilayah. Di samping itu menganalisis sejauh mana naskhah ini dapat diangkat sebagai naskhah sejarah autentik yang menjadi rujukan penting pada abad ke-18 dan ke-19 kepada pendidikan di kedua buah negara.

Biografi Pengarang *Tuhfat al-Nafis*

Raja Ali Haji bin Raja Ahmad merupakan pengarang naskhah *Tuhfat al-Nafis*. Namun wujud juga pendapat yang mengatakan pengarang asal naskhah ini ialah ayahanda beliau iaitu Raja

Ahmad. Raja Ali Haji dilahirkan di Pulau Penyengat Riau (kini menjadi wilayah Indonesia) pada tahun 1809. Beliau juga merupakan cicit kepada salah seorang Opu Bugis Lima Bersaudara, iaitu Opu Daeng Chelak. Raja Ali Haji mewarisi ketokohan dan minat dalam bidang penulisan daripada ayahandanya, Raja Ahmad yang juga seorang pujangga Riau. Menurut Virginia Matheson, pada tahun 1967, telah ditemukan satu nota di dalam *Tuhfat al-Nafis* versi Maxwell yang mencatat bahawa naskhah ini telah dimulakan oleh Raja Haji Ahmad. Nota yang bertulis jawi itu mencatatkan *Sejarah Engku Haji Tua di dalam Riau*. Engku Haji Tua adalah gelaran kepada Raja Ahmad. Raja Ahmad meninggal dunia pada usia 103 tahun. Oleh itu, usaha mengarang *Tuhfat al-Nafis* diteruskan oleh Raja Ali Haji. Maka Matheson berpendapat bahawa Raja Ahmad adalah tokoh yang berperanan dalam penghasilan *Tuhfat al-Nafis* versi pendek manakala Raja Ali Haji menyambung usaha ini dengan merekonstruksi semula beberapa bahagian hingga terhasilnya *Tuhfat al-Nafis* versi panjang yang berikutnya.

Raja Ali Haji membuat begitu banyak penambahan dan sisipan seperti isi-isi baru, bunga-bunga bahasa dan kalimat-kalimat dalam bahasa Arab sehingga naskhah induk yang hanya mengandungi 88 ribu patah perkataan menjadi lebih 120 ribu patah perkataan. Raja Ali Haji juga berjaya memperlihatkan kepenggarangan yang matang dalam *Tuhfat al-Nafis* versi panjang ini. Beliau dilihat sebagai pengarang yang mempunyai pemerhatian tajam dan mempunyai visi dalam penulisan kerana penggarapan peristiwa diselang-selikan dengan dakwah mahupun nasihat kepada pembaca. Selain itu tatabahasa dan kosa kata yang digunakan lebih kemas, jelas dan pelbagai dalam menyampaikan maksudnya. Perkara yang ingin dijelaskan di sini ialah bagaimana percampuran darah yang dimiliki oleh Raja Ali Haji, iaitu dari tanah Bugis Sulawesi Selatan (Indonesia) dan Melayu (Malaysia) yang pada akhirnya melahirkan seorang pujangga ulung yang berjaya mengarang dan melengkapkan naskhah *Tuhfat al-Nafis* sehingga menjadi *magnum-opus* bagi masyarakat Melayu Nusantara abad ke-18 dan ke-19.

Perkongsian Budaya Malaysia Indonesia berdasarkan *Tuhfat al-Nafis*

Malaysia dan Indonesia kini sememangnya terpisah melalui perempadian moden dan kewujudan konsep negara bangsa yang tercipta pada tahun-tahun abad ke-20 khususnya yang muktamad setelah kemerdekaan wilayah masing-masing. Sekiranya ditelusuri sejarah kedua-dua negara, garis sempadan yang terbentang sebagaimana yang diterima pakai dalam peta dunia hari ini asalnya sama sekali tidak wujud. Wilayah-wilayah di Malaysia dan Indonesia suatu ketika dahulu adalah dalam dunia yang sama. Persamaan tersebutlah yang ditafsirkan sebagai suatu perkongsian dan penyatuan. Budaya yang dimaksudkan di sini pula adalah meliputi segala cabang kehidupan masyarakat dalam dua dunia yang sebenarnya menyatu (Kamus Dewan, 2015: 212). Ia juga berkait dengan pendidikan meliputi kedua buah negara yang didasari oleh naskhah *Tuhfat al-Nafis* sebagai rujukan penting sejarah Malaysia dan Indonesia abad ke-18 hingga ke-19. Oleh itu, perbincangan berikutnya tertumpu pada agen budaya yang menjadi faktor penyatuan kedua buah negara berdasarkan naskhah *Tuhfat al-Nafis*.

Perkahwinan

Melalui karyanya, Raja Ali Haji memperlihatkan percampuran keluarga khususnya melalui perkahwinan-perkahwinan yang digalurkan dengan mendalam sekali. Lihat misalnya catatan

di dalam *Tuhfat al-Nafis* sebagaimana berikut yang membuktikan pembauran kekeluargaan. Perkahwinan demi perkahwinan berlaku antara kekerabatan Kesultanan Melayu dengan kekerabatan Bugis membuktikan penyatuan dua (mungkin sahaja lebih) dunia (yang disebut ‘suku’/‘bangsa’ di dalam *Tuhfat al-Nafis*) tersebut.

Syahdan apabila selesai Opu Daeng Chelak ini berkahwin dengan Tengku Mandak, baharulah pula Daeng Menampun (Menampuk) dinikahkan Sultan Sulaiman dengan bonda saudaranya yang bernama Tun Tipah. Adapun Daeng Masoro dinikahkan dengan Tun Kecik saudara sepupu baginda Sultan Sulaiman. Adapun Daeng Mangtuk dinikahkan dengan Tun Inah saudara sepupu baginda Sultan Sulaiman itu, iaitu putera Marhum yang Mangkat di Kayu Anak dan adapun Yang Dipertuan Muda Kelana Jaya Putera pergilah ia ke Perapat Seratus dengan suruh baginda Sultan Sulaiman mengambil Tun Encik Ayu janda Marhum yang Mangkat Dijulang yang belum seketiduran dengan dia karena Tun Encik Ayu lagi kecil dibuatnya isteri, jadi tiada sempat diperisterinya. Syahdan apabila sampai Yang Dipertuan Muda ke Perapat Seratus lalu ada perbuatnya isteri Encik Ayu itu. Maka dibawanya balik ke Riau jadilah ia isteri Yang Dipertuan Muda Daeng yang khas. Demikianlah halnya.

(*Tuhfat al-Nafis* 1991:50)

Perkahwinan-perkahwinan seumpama ini bukanlah suatu yang asing kerana sifat keserumpunan Melayu itu sangat ketara antara suku-suku terbabit. Malah ia terus berlaku melewati abad-abad yang berikutnya seperti turut dinyatakan beberapa kali di dalam naskhah ini. Hal ini dapat dapat dilihat melalui petikan beirkut:

Syahdan putera Marhum Bukit Cengkih itu ada laki-laki ada perempuan. ... yang perempuannya Tengku Tengah namanya jadi [isteri] Raja Abdullah putera Marhum Muda Raja Jaafar bangsa Bugis. Kedua, Tengku Kecik namanya jadi isteri Bendahara Pahang yang bernama Tun Mutahir. Ketiga, Tengku Andak namanya jadi isteri Temenggung Ibrahim yang diam di Singapura Teluk Belanga. Keempat, Tengku Hitam tiada bersuami mati di dalam daranya. Adapun putera Sultan Abdul Rahman yang bernama Sultan Muhammad, maka adalah ia beberapa menaruh anaknya laki-laki dan perempuan. ... Adapun anaknya yang lain daripada itu iaitu Tengku Ibrahim namanya dan Tengku Said dan Tengku Embung dan Tengku Andut. Adapun yang perempuan Tengku Hamidah dan Tengku Safiah dan Tengku Mariam dan Tengku Salma namanya. Syahdan adapun Tengku Dalam bersuamikan Raja Terengganu dan Tengku Hamidah bersuamikan anak Bendahara Pahang dan Tengku Mariam bersuamikan anak Raja Abdullah anak Engku Raja Ahmad Haji saudara al-Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar putera al-Marhum yang mangkat di Teluk Ketapang bangsa Bugis. Dan Tengku Salma itu bersuamikan Raja Mansur anak Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah putera Marhum Jaafar yang tersebut itu. Dan Tengku Safiah bersuamikan Raja Siam. La haw lawala kuwata illa billa hil ali yul azim.

(*Tuhfat al-Nafis* 1991: 10)

Malah pada akhir abad ke-18 itu, apabila berlaku perkahwinan antara Sultan Mahmud⁴ (1761-1812) dengan Engku Puteri Raja Hamidah puterinya Raja Haji Fi Sabilillah Yang Dipertuan Muda Ke-4, penyatuan keluarga dan budaya itu dilihat menjadi lebih bererti. Perkahwinan-perkahwinan yang berlangsung antara kerabat Bugis/Melayu dari Johor-Riau dengan Selangor ini juga dicatatkan beberapa kali mengukuhkan lagi pertalian kekeluargaan yang sedia wujud seperti contohnya perkahwinan antara Raja Haji dengan puteri Engku Kelana Muda Selangor, Encik Aisyah pada 11 Rabiul Awal 1161 atau juga perkahwinan antara puteri Raja Haji, Raja Selamah dengan adinda Sultan Ibrahim⁵ (1782-1826) Selangor, Raja Nala (*Tuhfat al-Nafis* 1991: 75&129).

Di suatu sisi yang lain, *Tuhfat al-Nafis* mencatatkan, "Dan apabila sampai ke Selangor maka Opu Daeng Parani pun beristerikan putera Yang Di Pertuan Selangor, dapatlah ia seorang anak perempuan" (*Tuhfat al-Nafis* 1991: 50) dan berikutnya, "... beristeri pula Opu Daeng Parani akan saudara Yang Di Pertuan Kedah mendapat anak seorang perempuannya." (*Tuhfat al-Nafis* 1991: 51) Pada masa yang sama turut dimaklumi bahawa Daeng Parani itu telah memperisterikan Tengku Tengah saudaranya Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1722-1761) ketika operasi menyingkirkan Raja Kecik itu dari Riau sedang berlangsung.⁶ Perkahwinan-perkahwinan sebegini kemudian meninggalkan keturunan Daeng Parani di beberapa wilayah yang terpisah ekoran kewujudan sempadan dunia kini. Namun pertalian saudara tersebut adalah kekal biarpun darah yang mengalir dalam keluarga beliau itu merebak merentas lautan dan sempadan.

Selain Daeng Parani, situasi yang hampir sama dapat dilihat apabila *Tuhfat al-Nafis* memberikan pula susur galur kekeluargaan Daeng Marewah. Sekalipun keturunan beliau tidak dapat disusurkan dengan panjang sebagaimana Daeng Parani dan Daeng Chelak, namun Raja Ali Haji begitu yakin bahawa, "Adapun salasilah keturunannya [Daeng Marewah] kebanyakannya di dalam negeri Selangor karena anaknya yang bernama Encik Unuk itu berbini di Selangor beranak perempuan Encik Aisyah namanya." (*Tuhfat al-Nafis* 1991: 18)

Pembauran dan percampuran keluarga daripada keturunan Daeng Chelak pula jauh lebih kompleks dan luas perebakannya. Daripada keturunan beliaulah tertempanya nama-nama 'gah' seperti Raja Haji Fi Sabilillah dan Raja Lumu yang mengukuhkan penguasaan politik dinasti masing-masing di Indonesia mahupun Malaysia kini. Keturunan Raja Lumu (atau Sultan Salehuddin selaku pengasas Kesultanan Selangor pada tahun 1766) misalnya masih bertakhta kukuh di negeri Selangor.⁷ Daripada puteri-puterinya seperti Tengku Putih (yang berkahwin dengan Sultan Abdul Jalil Johor (1760-61), keturunan beliau terus bercampur dengan kerabat-kerabat di Lingga, Johor dan Selangor. Di dalam *Tuhfat al-Nafis*, salasilah keturunan Daeng Chelak ini meliputi kepengarangan yang sangat panjang menyusur hingga ke beberapa generasi dan cabang-cabangnya juga melibatkan perebakkan generasinya ke banyak wilayah-wilayah di Indonesia dan Malaysia kini misalnya seperti hingga ke Lukut, Terengganu dan Perak.⁸

Selain wilayah-wilayah yang disebut di atas, Siak juga kini adalah sebahagian daripada wilayah Indonesia. Siak juga berkongsi sejarah yang sama dengan Johor, berkongsi keturunan yang sama dan darah yang sama. Malahan jika benar dakwaan Raja Kecik bahawa beliau adalah putera kandung Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, maka tidak syak lagi dua darah dari dua dunia ini akhirnya bersatu pada punca yang sama. Penyatuan tersebut menjadi lebih kuat dan nyata dilestarikan dengan perkahwinan antara Raja Kecik dengan Tengku Kamariah, puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV(1699-1721). Sekiranya Raja Ali Haji memberikan latar belakang susur-galur keluarga diraja Melayu itu dengan mendalam,

demikian juga yang beliau lakukan bagi menyusur galurkan kekeluargaan diraja Siak ini (*Tuhfat al-Nafis*, 1991:12-13). Siak walaupun menjadi seterus dalam jalan cerita konflik Johor – Siak pada awal abad ke-18 itu, namun tidak boleh dinafikan merupakan sebahagian penting pertalian darah dengan keluarga diraja Melayu dan keluarga diraja Bugis di Johor itu sendiri.

Pertalian kekeluargaan antara keluarga diraja Melayu-Johor, Bugis dan Siak sememangnya jelas. Hal ini kerana wujudnya pertalian inilah Raja Ali Haji menggarap episod perang saudara Siak⁹ sebagai sebab-musabab Sultan Sulaiman membantu Sultan Mahmud Siak berperang dengan saudaranya Raja Alam kerana Sultan Mahmud itu anak saudara kandungnya putera Raja Kecik dengan Tengku Kamariah (*Tuhfat al-Nafis* 1991: 77). Konflik-konflik ketakhtaan dalam Kerajaan Siak khususnya antara Sultan Mahmud dengan Raja Alam dan bersambung pula konflik antara putera mereka, juga penglibatan Belanda dalam konflik ini diberikan perincian yang mendalam oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis* (*Tuhfat al-Nafis* 1991: 77) biarpun ada ketikanya perincian episod-episod tersebut sama sekali tidak melibatkan suku Bugis, Raja Melayu Johor, Raja Kecik, Sultan Mansur Terengganu dan lain-lain watak yang menjadi fokus pengarang. Demikian juga bagi pengisahan cucu Raja Kecik, Raja Ismail tentang penglibatan beliau di Palembang, Mempawah dan Siantan. Secara logik, Raja Ali Haji berkesedaran tinggi tentang pertalian saudara yang terjalin antara semua rumpun keluarga yang diceritakannya.

Biarpun asasnya beliau berkarya dengan tujuan meninggikan martabat Bugis, namun demikian beliau tetap juga berkecenderungan merawikan hal-ehwal watak dari suku-suku lain yang pasti bertalian dengan kerabatnya. Keluarga diraja Siak ini bukan sahaja diperlihatkan hubungan kekeluarganya dengan Johor-Riau, tetapi juga hingga ke Terengganu. Misalnya selesai sahaja perang di Mempawah yang berikutnya di Siantan, *Tuhfat al-Nafis* menyentuh tentang Raja Ismail yang telah singgah ke Terengganu disambut dengan baik oleh Yang Dipertuan Terengganu malah diberikan sebuah kampung untuk didiami oleh beliau bersama pengikut-pengikut serta ‘anak-anak gundiknya.’ Raja Ismail kemudian berkahwin dengan puteri Yang Dipertuan Terengganu, dan menjalinkan ikatan kekeluargaan Siak-Terengganu. Hubungan kekeluargaan yang terjalin ini kemudian dimanfaatkan untuk kebaikan bersama apabila angkatan Siak diperihalkan turut sama membantu Terengganu dalam menghadapi perang dengan Kelantan. *Tuhfat al-Nafis* menyebut, dua kali orang-orang Siak ini membantu Terengganu dalam berperang dan menewaskan Kelantan.

Hubungan-hubungan sosial dan kekeluargaan antara Bugis di Riau ini turut boleh dikesan di beberapa buah negeri Melayu yang lain selain Selangor seperti di atas, mengikut penggarapan *Tuhfat al-Nafis* walaupun mungkin tidak demikian mendalam. Misalnya, naskhah ini ada sekali menyebut, selesai sahaja perang antara Selangor dengan Perak maka Yang Di Pertuan Muda Daeng Chelak duduk seketika di negeri Perak menyusun pentadbiran negeri lalu, “Yang Di Pertuan Muda pun bergundiklah dua orang perempuan, pertama-tama Encik Samidah namanya, kedua Satimah Perak namanya” (*Tuhfat al-Nafis* 1991:72). Biarpun tidak disebutkan adakah memperoleh anak dari gundik-gundik itu, tapi cukup memperlihatkan adanya pembentukan keluarga atau mungkin juga keturunan beliau di negeri Perak itu. Di negeri Kedah pula, tidak syak lagi telah adanya hubungan darah antara kerabat Daeng Perani dengan puteri Kedah sebagaimana disebut sebelum ini. Dalam pada itu, hubungan darah ini mengukuh lagi apabila *Tuhfat al-Nafis* mencatatkan bahawa berlaku perkahwinan antara putera Kedah, Tengku Abdullah dengan puteri Yang Dipertuan Selangor bernama Tengku Besar.

Politik

Tumpuan Raja Ali Haji untuk menyerlahkan peranan suku-suku Bugis di dalam politik kerajaan Johor, Riau dan Lingga terbukti apabila beliau seawal-awal karya memberikan salasilah yang panjang dan terperinci bagi setiap seorang Opu Bugis Lima Bersaudara. Ketika menggarap salasilah Daeng Perani, susur kekeluargaan tokoh ini merebak hingga ke Selangor dan Kedah, selain daripada di Johor itu sendiri dan beberapa wilayah lain di dalam Indonesia kini seperti Siak dan Siantan. Pengarang bukan sahaja memperlihatkan kesinambungan keturunan tetapi juga menunjukkan keturunan ini turut berpengaruh dalam politik-politik setempat.

Dari segi perebakkan suku Bugis di Semenanjung Tanah Melayu, perkara ini boleh dikenal pasti dengan meluas juga melalui *Tuhfat al-Nafis*. Negeri Selangor misalnya telah terbukti menjadi tumpuan komuniti Bugis dan kerabat-kerabat rajanya.¹⁰ *Tuhfat al-Nafis* begitu banyak sekali mencatat Selangor yang mana hubungan dari segi politik, ekonomi dan sosio-budaya Selangor dengan Johor-Riau-Lingga itu sebagai amat akrab. Selangor di dalam *Tuhfat al-Nafis* kerap digambarkan sebagai tapak persinggahan atau kunjungan, tempat pemuaifikatan dan lokasi pengukuhan ketenteraan Raja-raja Bugis dari Riau itu. Menurut naskhah ini juga, setelah pertama kalinya Raja Kecik ditewaskan dan diturunkan dari takhta Johor pada tahun 1721, Opu-Opu Bugis, iaitu Daeng Parani, Yang Dipertuan Muda Daeng Marewah (Kelana Jaya Putera) dan Daeng Chelak terus ke Selangor untuk mengukuhkan angkatan ketenteraan mereka. Seperti yang dicatatkan,

Syahdan karena inilah Opu-Opu itu hendak ke Selangor dahulu mencari tambah kuasa daripada pekerjaan karena ijтиhad perang dengan Raja Kecik berpanjangan akhirnya.

(*Tuhfat al-Nafis* 1991:44)

Juga,

Adapun Opu-Opu itu apabila sampai ia ke Selangor lalulah membuat kelengkapan ghurab tiga puluh buah banyaknya akan jadi perahu perang serta dicukupinya dengan alat senjata dn ubat pelurunya.

(*Tuhfat al-Nafis* 1991:44)

Maka jelaslah betapa besarnya dan pentingnya fungsi masyarakat Bugis dan kaum keluarga Opu-Opu itu yang telah sedia ada dalam politik negeri Selangor pada tahun-tahun abad ke-18. Sudah pasti juga keturunan mereka ini telah merebak dengan begitu meluas dari tahun demi tahun sama ada mengukuhkan petempatan di negeri Selangor sendiri mahupun di wilayah-wilayah lain di sekitarnya. Kunjungan-kunjungan ke Selangor¹¹ seolah-olah turut menjadi antara inti utama pengarangan *Tuhfat al-Nafis* dan menggambarkan betapa pentingnya wilayah ini selain Johor, Riau dan Lingga yang kerap disebut-sebut pengarang.

Kepentingan Selangor dalam hubungan sejarah, politik dan kekeluargaan Kerajaan Johor-Riau turut tergambar jelas dengan episod perperangan yang berlangsung antara Kerajaan Johor-Belanda pada tahun 1784 dan disusuli pula dengan perang Selangor-Belanda berikutnya.¹² Sememangnya naskhah ini memerihalkan betapa bersungguh-sungguhnya Sultan Ibrahim melibatkan diri dalam perang tersebut bagi mempamerkan

sokongan kuatnya terhadap Raja Haji yang juga bapa saudaranya memerangi Belanda. Justeru itulah naskhah ini mencatatkan,

Sebermula adapun Gabenor Melaka apabila sudah selesai ia perang dengan Raja Haji Marhum Teluk Ketapang itu, maka muafakatlah pula ia dengan Peter Jacob van Braam akan melanggar Selangor pula sebab kerana raja Selangor yang mengajak Raja Haji melanggar Melaka itu seolah-olah yang membuat pokok perkelahian pada melanggar Melaka kerana waktu kompeni lagi tengah perang di dalam Riau kompeni dahulu itu sampai sebelas bulan kita mahu bicara muafakat dengan Raja Haji serta lepas kapal kita yang terbakar itu perang dengan Raja Haji sudah berhenti lagi mencari bicara. Tiba-tiba raja Selangor pergi datang memukul Melaka serta ia pergi sendiri mengambil Raja Haji.

(*Tuhfat al-Nafis* 1991: 152)

Besar dan akrabnya hubungan dua hala antara negeri dan bangsa ini juga boleh dilihat sebagai penyebab kepada penganugerahan wilayah Klang kepada Raja Jaafar oleh Sultan Selangor sebagai wilayah pemakanannya. Menurut *Tuhfat al-Nafis*, selepas peperangan Selangor dengan Perak yang berlaku pada tahun 1805, Sultan Ibrahim telah mengurniakan Klang kepada Raja Jaafar (yang kemudian menjadi Yang Di Pertuan Muda Johor). Naskhah ini juga menyebut bagaimana Raja Jaafar membangunkan pengeluaran timah di Klang dan menjalankan perdagangan timah di Klang tersebut dengan pedagang-pedagang Melaka. Malahan beliau turut menjalinkan hubungan baik dengan Gabenor Melaka melalui kegiatan aktif dagangan timah ini di Melaka (*Tuhfat al-Nafis* 1991:186). Namun begitu, Raja Jaafar kemudian meninggalkan Klang kerana menggantikan Raja Ali yang mangkat untuk menjawat jawatan Yang Dipertuan Muda Johor-Riau yang ke-6. Biarpun begitu, masih ada saudaranya yang tinggal di Klang seperti menurut *Tuhfat al-Nafis*, "... dan ahlinya masih tinggal di Klang tiada sempat dibawanya" (*Tuhfat al-Nafis* 1991:189). Kenyataan ini jelas mempamerkan kekuatan ikatan dan kewujudan pertalian yang masih terjalin antara kaum keluarga tersebut di-dua wilayah yang berbeza.

Di Pedas Linggi pula, Daeng Kemboja dicatatkan sememangnya menetap di sini selepas keluar dari Riau lantaran berkecil hati dengan sikap Tun Dalam (menantu Sultan Sulaiman) yang mencetuskan pergaduhan antara Bugis dengan Melayu. Dalam pada itu, Raja Haji turut beberapa kali berkunjung ke Linggi membawa bersama kerabat-kerabatnya menetap di situ, "Kemudian Raja Haji pun berlayarlah ke Retih. Maka apabila tiba ke Retih lalulah mengambil paduka adinda baginda sekelian dibawanya balik ke Pedas serta anak-anak Bugis yang banyak. Maka apabila sampai ke Pedas, tetaplah di dalam Pedas itu" (*Tuhfat al-Nafis* 1991:94).

Tidak dinafikan berlaku pembauran dan perebakkan keluarga Bugis ke dalam keluarga diraja Melayu dan merebak ke negeri-negeri Melayu yang lain di samping meluaskan pengaruh pengaruh politik mereka. Selain itu, keturunan Sultan Johor yang berakar dari Sultan Abdul Jalil Syah IV yang bertakhta selepas kemangkatan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang juga tersebar di dalam wilayah-wilayah Indonesia dan Malaysia hari ini. Misalnya, selepas kemangkatan Sultan Mahmud pada tahun 1812, dua orang putera baginda, iaitu Tengku Husin dan Tengku Abdul Rahman telah turut terpecah dan mengukuhkan pengaruh masing-masing di utara dan selatan kepulauan Melayu. *Tuhfat al-Nafis* menyebut dengan

jelas wasiat Sultan Mahmud bahawa hak pemakanan dan hak kedaulatan atas Lingga itu kepada puteranya Tengku Abdul Rahman (*Tuhfat al-Nafis* 1991:185).

Tuhfat al-Nafis juga kemudian menggalurkan episod Tengku Husin itu dirajakan di Singapura oleh Stamford Raffles. Episod ini sebenarnya memberi makna bagaimana dua beradik dari satu bapa yang sama yang bertakhta di atas sebuah kerajaan kemudiannya berpecah menjadi dua kuasa dan wilayah. Biarpun begitu, sejarah tetap membuktikan bahawa mereka telah mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas merentasi lautan perairan Riau Lingga itu (*Tuhfat al-Nafis* 1991:213). Malah ketika Riau sedang ditempur oleh Belanda, ada usaha oleh Tengku Besar (putera Tengku Husin) ke Pulau Penyengat untuk menyelamatkan nenda tirinya Engku Puteri Raja Hamidah ke Singapura namun tidak berjaya (*Tuhfat al-Nafis* 1991:204). Perkara yang pasti, pihak yang memisahkan tanah dan membentuk sempadan itu ialah kuasa Barat. Tindakan memeterai Perjanjian Inggeris–Belanda 1824 adalah inisiatif Barat semata-mata. Biarpun begitu, ada kala jelas dilihat bahawa pembahagian ini tidak menjadi suatu pecahan kepada ikatan kekeluargaan yang wujud. Dari olahan Raja Ali Haji sendiri, perkongsian budaya dan penyatuan keluarga itu tidak terjejas kerana pengagihan oleh kuasa Barat tadi.¹³

Tuhfat al-Nafis membuktikan, keakraban persaudaraan kerabat-kerabat diraja Melayu, Bugis, Siak di segenap rantau ini terus dilestarikan dengan kunjungan-kunjungan diraja melewati hingga tahun-tahun dalam abad ke-19. Antara episod kunjungan yang tercatat dalam naskhah ini adalah seperti berikut, “Maka tersebutlah perkataan baginda Sultan Muhammad Syah hendak berangkat ke Pahang dan ke Terengganu serta hendak segera ziarah ke Johor kepada segala perkuburan Raja-raja Melayu yang di dalam Johor adanya”, “Sultan Muhammad pun berangkatlah belayar ke Pahang singgah ziarah di Johor kemudian baharulah belayar ke Pahang”, bersambungan pula, “Maka apabila sampai ke Pahang maka lalulah mengambil Datuk Bendahara Tun Ali bersama-sama belayar ke Lingga”. Beberapa tahun kemudian, “Sultan Mahmud Muzaffar Syah di dalam negeri Lingga. Maka dapatlah ia satu fikiran iaitu hendak berangkat ke Terengganu membawa bondanya. Maka apabila sampai waktunya yang baik maka belayarlah ia dari Lingga ke Terengganu.” Sebahagian petikan di atas sebenarnya begitu jelas untuk menggambarkan betapa erat hubungan kekeluargaan yang terjalin dan yang dijalinkan oleh Raja-raja ini dalam memastikan perkongsian dan penyatuan budaya yang berpanjangan biarpun merentas lautan dan sempadan yang digariskan.

Pendidikan

Huraian dua subtajuk di atas memperlihatkan bagaimana budaya perkahwinan dan politik dalam *Tuhfat al-Nafis* berjaya menghubungkan antara wilayah Malaysia dengan Indonesia, yang bermula sejak abad ke-17 hingga abad ke-19. Malah perkongsian budaya ini berlanjut hingga abad ke-21 dan turut menyangkut bidang pendidikan di kedua-dua negara. Sehingga ke hari ini (2019), *Tuhfat al-Nafis* masih menjadi antara naskhah terpenting yang bertindak sebagai medium pendidikan dari pelbagai perspektif ilmu. Antaranya sejarah, sastera, filologi, budaya dan agama. Beberapa universiti di Malaysia misalnya Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Putra Malaysia memanfaatkan kajian naskhah *Tuhfat al-Nafis* dari pelbagai cabang ilmu.

Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya misalnya menjalankan kajian terhadap naskhah *Tuhfat al-Nafis* dari sudut bahasa dan kesasteraan abad ke-18 dan ke-

19. Tidak ketinggalan pelajar-pelajar dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya yang menjadikan naskhah *Tuhfat al-Nafis* sebagai sumber sejarah kerana sifatnya yang autentik memiliki kronologi tarikh dan tahun serta kredibiliti sejarah yang dikarang. Di samping itu, Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya menyatakan bahawa naskhah *Tuhfat al-Nafis* sebagai pembuktian kepada pengaruh Islam di Tanah Melayu abad ke-18 dan ke-19 setelah memperlihatkan adanya elemen doksologi dan kalimat-kalimat Islam di dalamnya. Selain itu universiti lain yang disebutkan di atas juga turut sama memberikan fokus kepada bidang sejarah, sastera dan agama seperti yang terkandung di dalam *Tuhfat al-Nafis*.

Di peringkat sekolah menengah Tingkatan 1 dan 4, *Tuhfat al-Nafis* digunakan sebagai sumber sejarah yang mewakili manuskrip Melayu. Para pengkaji naskhah, sarjana tempatan dan luar negara turut menjadikan naskhah *Tuhfat al-Nafis* sebagai rujukan penting dalam mengkaji pensejarahan Melayu abad ke-18 dan ke-19. Meskipun kini sebahagian daripada wilayah yang dinyatakan di dalam *Tuhfat al-Nafis* (Riau, Lingga, Sambas, Mempawah, Sukadana, Siantan, Tembelan) telahpun menjadi wilayah Indonesia, tetapi ia bukanlah halangan kepada pengkaji Malaysia kerana *Tuhfat al-Nafis* adalah sumber keserumpunan Melayu yang dikongsi secara sejagat dan sangat bermanfaat selain menjadi *magnum-opus* Melayu abad ke-18 dan ke-19. Ia juga menjadi bukti kepada keintelektualan Melayu Nusantara yang mewajarkannya untuk dikongsikan bersama. Begitu juga halnya dengan penubuhan Universitas Maritim Raja Ali Haji yang dibina di Riau Indonesia bersempena dengan nama pujangga Melayu Johor-Riau, iaitu Raja Ali Haji bin Raja Ahmad. Tegasnya, *Tuhfat al-Nafis* sentiasa mempunyai ruang untuk dimanfaatkan dalam dunia pendidikan.

Kesimpulan

Naskhah *Tuhfat al-Nafis* adalah suatu contoh warisan budaya dan literatur yang sangat bererti dalam perkongsian dua negara hari ini. Sebagai sebuah hasil pensejarahan Melayu yang ditulis oleh seorang pujangga Melayu Bugis yang sangat berwibawa, pengajaran dan pengertian di sebalik pengarangan karyanya amatlah wajar dihayati, difahami dan dikongsi untuk kebaikan bersama. Pertamanya, *Tuhfat al-Nafis* telah berjaya membuktikan bahawa sejarah (khususnya Kesultanan dan Kerajaan-kerajaan Melayu) kedua-dua negara ini adalah suatu yang unik kerana berlaku perkongsian dan penyatuan sejarah yang sama. Darah yang mengalir antara dua bangsa ini biarpun merentas lautan adalah berpuncu dari salasilah yang satu. Justeru kini, tidak dapat tidak, pengiktirafan sebagai saling bersaudara antara masyarakat Malaysia dengan Indonesia kini harus diwarisi, diterima, dipersetujui dan dihormati bersama.

Keduanya, segala budaya termasuk adat-istiadat dan resam yang mendasari kerabat-kerabat diraja dari kedua-dua dunia terbabit waktu itu adalah sebenarnya milik bersama. Tidak ada pemilikan yang mutlak dan sewajarnya tidak ada yang berhak menyatakan mana-mana pihak sebagai pemulanya. Hal ini kerana kerabat diraja tersebut berakar dari dunia yang tiada sempadan pada waktu itu dan perebakan darah mereka yang meluas itu menyebabkan mereka membawa bersama budaya, resam dan tradisi sebagai warisan ke mana juga mereka menetap sama ada di Malaysia mahupun Indonesia hari ini. Saling persefahaman sebagai bersaudara merupakan tindakan yang wajar sebagai penghormatan terhadap talian darah yang wujud walaupun merentas lautan dan sempadan. Ketiga, *Tuhfat al-Nafis* menjadi rujukan penting pelajar dalam mengkaji pensejarahan Melayu abad ke-18 dan 19 dalam konteks kedua negara kerana, keluarga Bugis yang banyak dinyatakan di dalam *Tuhfat al-Nafis*, sebahagian besarnya adalah merujuk kepada masyarakat tersebut

yang mendiami wilayah-wilayah di Kepulauan Riau Lingga itu. Di samping itu, beberapa wilayah lain di dalam Indonesia kini yang turut disebut seperti Kalimantan yang merujuk kepada Sambas, Mempawah dan Sikudana juga di Kepulauan Siantan dan Tembelan. *Tuhfat al-Nafis* turut membuktikan besarnya komuniti Bugis ini yang turut berhijrah dan menetap di wilayah-wilayah Malaysia kini seperti Selangor, Linggi, Terengganu selain Johor itu sendiri.

Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, M. Y. (1986). Syeikh Nuruddin Ar-Raniri dan Raja Ali Haji dalam pensejarahan Melayu. Dalam *Monograf Sejarah: Pensejarahan Sosio-Politik, Sejarah Tempatan dan Hubungan Antarabangsa* (hlm. 10-35). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaya.
- Hashim, M. Y. (1992). *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang tradisi sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, M. Y. & Yahaya, M. (1988). *Sejarawan dan pensejarahan, ketokohan dan karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matheson, V. (1978). Concepts of Malay ethos in indigenous Malay writings. Dalam *2nd National Conference of the Asian Studies Association of Australia*, University of New South Wales.
- The House of Tengku Ismail (Peny.). (1991). *Tuhfat al-Nafis: Naskhah Terengganu*. Kuala Terengganu: The House of Tengku Ismail.
- Saidin. M. K. (1971, Ogos). Naskhah-naskhah lama mengenai sejarah Johor. *Dewan Bahasa*, 8.

Nota Hujung

- ¹ Lulusan Doktor Falsafah (Phd) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Email: daeng_putera_bugis@yahoo.com
- ² Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Email: mardiana@um.edu.my
- ³ Profesor Emeritus di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Email: azdha@um.edu.my
- ⁴ Sultan Mahmud yang dimaksudkan adalah Sultan Johor yang keenam dari Dinasti Bendahara. Baginda merupakan anakanda Sultan Abdul Jalil (1760-1761), Raja DiBaroh juga cucu Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1722-1761) iaitu putera Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (1699-1718) yang menaiki takhta dengan bantuan Opu-Opu Bugis Lima Bersaudara selepas menumpaskan Raja Kecik Siak, yang merampas takhta dari ayahandanya. Sultan Mahmud menduduki takhta ketika masih kanak-kanak setelah kekandanya Sultan Ahmad mangkat. Oleh kerana masih kecil semasa ditabalkan, takhta dipangku oleh Yang Di Pertuan Muda Daeng Kemboja. Justeru, hubungan Sultan Mahmud dengan keluarga Bugis ini sangat kuat. Oleh itu, tidak menghairankan apabila baginda kemudian berkahwin dengan Engku Puteri, puteri Raja Haji Yang Di Pertuan Muda Keempat itu. Isteri Sultan Mahmud yang pertama ialah Ungku Puan iaitu anak kepada bendahara. Mereka tidak memperolehi anak daripada perkahwinan ini. Sultan Mahmud berkahwin kali kedua dengan Encik Maguh, seorang anak keluarga Bugis yang bernama Diong Matarang dan mendapat Tengku Husin daripada perkahwinan ini. Perkahwinan baginda yang ketiga adalah dengan anak pembesarnya sendiri bernama Mariam. Dengan perkahwinan ini Tengku Abdul Rahman dilahirkan. Baginda berkahwin kali keempat dengan Engku Puteri (Tengku Hamidah) iaitu puteri Raja Haji. Lihat; SSR A39, Surat Residen Singapura, J. Prince kepada Gabenor NNS, J. Anderson, 7 November 1827. Terlampir, Kenyataan oleh Sultan Husin kepada Residen Singapura, J. Prince. Lihat juga; SSR N3, Terjemahan kenyataan oleh Sultan Husin, 17 November 1827.
- ⁵ Sultan Ibrahim adalah Sultan Selangor kedua iaitu putera Sultan Salehuddin (Raja Lumu).

-
- ⁶ Lihat episod dramatik perbincangan antara Raja Sulaiman dan Tengku Tengah bersama Daeng Perani dalam usaha menyingkirkan Raja Kecik, sehingga kemudian membawa kepada perkahwinan Tengku Tengah dan Daeng Perani ini. *Tuhfat al-Nafis* menceritakan, "Maka lalu dipanggilnya opu-opu itu makan. Kemudian Tengku Tengah pun berdiri di pintu selasar membuka bidai, melipuk subang di telinganya sambil ia berkata, "Hai Raja Bugis, jikalau sungguh tuan hamba berani, hapuskanlah kemaluan beta anak-beranak, adik-beradik. Maka apabila tertutup kemaluan beta semua, maka redhalah beta menjadi hamba Raja Bugis, jika hendak suruh jadi penanak raja sekalipun, redhalah beta." Maka apabila Opu Daeng Perani mendangar kata Tengku Tengah itu maka iapun menjawab seraya katanya, "Insyaallah Taala, seboleh-bolehnya hamba menutup kemaluan Tengku semua anak-beranak, adik-beradik." Kemudian baharulah berjanji Raja Sulaiman dengan opu-opu itu, jika hasil maksudnya, yang opu lima beradik salah seorang menjadi Yang Dipertuan Muda turun menurun. Setelah selesai daripada berjanji-janji itu maka mengadaplah ia kepada Paduka ayahanda bagindanya sembahkan hal ehwalnya dan maksudnya itu. Maka dibenarkan oleh ayahandanya ikhtiar puteranya itu. Maka lalu dinikahkannya saudaranya Tengku Tengah itu dengan Opu Daeng Perani." Lihat *Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu*, hlm. 37.
- ⁷ Sejarah awal pertapanan dan pengukuhan kuasa Raja Lumu di Selangor, sila rujuk, Muhammad Yusoff Hashim, *Dari Luwu' ke Darul Ehsan: Kesultanan Selangor*, Selangor, 2001, hlm. 23-26. Lihat juga, Muhammad Yusoff Hashim, "Negeri Selangor, Kesinambungan dan Perubahan Sebuah Kesultanan Melayu Malaysia", *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara, Sejarah dan Warisan*, Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, et. al., penyunting, Bangi: Lembaga Muzium Negeri Pahang dan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 152-172; Khoo Kay Kim, "Raja Lumu/Sultan Salehuddin: The Founding of the Selangor Dynasty", *JMBRAS*, vol. 45, pt. 2, 1985.
- ⁸ *Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu*, hlm. 18-27. Lihat juga suatu perbincangan tentang Daeng Chelak ini yang diteliti daripada beberapa naskhah Melayu yang lain selain daripada *Tuhfat al-Nafis* iaitu, *Silsilah Melayu dan Bugis, Hikayat Upu Daeng Menambun, Hikayat Siak, Hikayat Negeri Johor, Peringatan Sejarah Negeri Johori, Misa Melayu dan Hikayat Johor Serta Pahang* di dalam Abdullah Zakaria Ghazali, "Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek: Menelusuri Maklumat daripada Teks Melayu", *Seri Alam*, Jurnal Lembaga Muzium Selangor Darul Ehsan, bil. 8, 2004, hlm. 76-133.
- ⁹ Konflik di Siak ini adalah antara dua putera Raja Kecik yang berlainan ibu iaitu Raja Alam dan Tengku Mahmud. Terdapat dua situasi yang mendasari perebutan takhta ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Tuhfat al-Nafis*, Maka kata Raja Alam, "Aku yang tua, akulah yang patut menjadi raja," dan kata Tengku Mahmud, "akulah yang terlebih patut menjadi raja kerana aku anak yang gahara." Usaha perebutan takhta ini turut disertai oleh putera-putera mereka iaitu putera Tengku Mahmud, Raja Ismail dan Raja Daud sementara putera Raja Alam iaitu Raja Muhammad Ali. Pertempuran yang diperihalkan sebagai besar-besaran ini akhirnya berpihak kepada Tengku Mahmud. Raja Alam tewas lalu berundur ke Batu Bahara, Palembang seterusnya ke Deli mengumpul semula kekuatan. Tengku Mahmud menaiki takhta Siak bergelar Sultan Mahmud. Tidak berapa lama kemudian, Raja Alam kembali melanggar Siak. Dalam beberapa hari, tewas pula Sultan Mahmud, kali ini lalu berundur ke Pelalawan. Raja Alam memegang takhta Siak dan melantik puteranya Raja Muhammad Ali sebagai Yang Di Pertuan Muda Siak. Sultan Mahmud kemudian cuba mendapatkan bantuan bapa saudaranya, Sultan Sulaiman melanggar Raja Alam. Maka, dengan bantuan daripada Belanda juga, Sultan Sulaiman dan Sultan Mahmud berjaya menyingkirkan Raja Alam sekali lagi. Konflik dua bersaudara Sultan Mahmud dengan Raja Alam ini berpanjangan pula ke Siantan. Situasi ini berlaku apabila Raja Alam menduduki Siantan selepas tewas perang di Siak sebelum ini. Ketika sedang Sultan Sulaiman bersama angkatannya menghadapi Raja Alam di Siantan, Sultan Mahmud pun tiba untuk turut serta. Akhirnya Raja Alam berjaya ditumpaskan.
- ¹⁰ Sejak abad ke-17 juga menyaksikan era baru dalam sejarah Selangor apabila wilayah ini terutamanya Kuala Selangor menerima penghijrahan beramai-ramai Bugis dari Sulawesi. Walaupun tidak ditulis di dalam *Tuhfat al-Nafis*, catatan Belanda pada tahun 1678 ada menyebut semasa berlaku perselisihan antara Johor dan Belanda, Sultan Ibrahim (1677-1685) pernah meminta bantuan daripada orang Bugis dan orang Makasar yang terdapat di Klang supaya menyokongnya melancarkan serangan terhadap Belanda. Kenyataan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa menjelang tahun 1678 tersebut, wilayah Klang telahpun didiami oleh ramai orang Bugis. Selain itu laporan *Dagh Register* pada 4 Ogos 1681 pula merakamkan bahawa seorang pelarian dari Kedah telah menyatakan dirinya adinda Sultan Kedah, telah bertemu dengan orang Belanda untuk mendapatkan izin menggunakan kawasan Dinding, Perak sebagai pengkalan untuk mengumpulkan orang Bugis dari Klang sebelum menyerang kekandanya. Perpindahan secara beramai-ramai orang Bugis ke Selangor terus berlaku pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18.

- ¹¹ Ada juga beberapa kali kerabat Selangor turut pernah berkunjung ke Riau seperti menurut *Tuhfat al-Nafis*, “Maka datanglah putera Yang Dipertuan Selangor bernama Raja Muhammad yang jadi Raja Muda di dalam Selangor ke Riau mengadaplah ia kepada Sultan Mahmud. Maka baginda pun sangatlah sukanya kedatangan paduka anakanda baginda Raja Muhammad.” Lihat, *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 184.
- ¹² Maklumat lanjut tentang peperangan ini rujuk, Mardiana Nordin, *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2008, hlm. 99-102 dan Lee Kam Hing dan Mohd. Yusoff Hashim, “Peperangan Selangor – Belanda: Sebab dan Akibat dalam Sejarah Selangor”, *Selangor, Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan Shah Alam: Muzium Sultan Alam Shah, 1989, hlm. 56-83.
- ¹³ Disambung lagi di dalam *Tuhfat al-Nafis* sebagaimana berikut, “Maka di dalam hal yang demikian itu maka Yang Dipertuan Selat Sultan Husin serta Temenggung Abdul Rahman anak buahnya dan orang-orangnya masih jua diperbuatnya seperti adat lama, iaitu masa Yang Dipertuan Selat sebagaimana jalan lagi di Riau duduk bersama-sama Yang Dipertuan Muda Riau, karena pada masa itu antara Yang Dipertuan Muda dengan Yang Dipertuan Selat sebagaimana jalan adat orang dengan anak buahnya istimewa pula Yang Dipertuan Muda itu pangkat ayah saudara sepupu kepada Yang Dipertuan Selat itu. Setelah itu demikian lagi Temenggung Abdul Rahman anak saudara pupu kepada Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar pihak sebelah Bugis, lagi jadi menantu saudaranya pula. Tiada menjadi bicara lebih kurang sedikit sebanyak antara orang anak-beranak.” Lihat, *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlm. 217.